

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/1989**

Mac/April 1989

BPI 453/3 Penyakit Tanaman di Malaysia

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BPI 453/3)

1. Anda menjadi seorang pengurus ladang yang telah diarahkan untuk menanam getah di suatu kawasan tanah hutan. Apakah langkah yang perlu anda ambil untuk melaksanakan tugas tersebut supaya serangan penyakit-penyakit akar tidak serius?
(20 markah)

2. Terangkan gejala etiologi dan cara pengawalan penyakit yang disebabkan oleh Phytophthora pada koko dan lada hitam di Malaysia.
(20 markah)

3. Apakah yang anda tahu tentang penyakit mati senget pada tembakau dari segi penyebab, taburan, gejala dan cara pengawalannya?
(20 markah)

4. Anda merupakan seorang Pegawai Pertanian di Jabatan Pertanian. Seorang petani telah mengadu kepada anda pokok tomatonya sentiasa layu di waktu tengah hari hingga ke petang walaupun disiram dengan air. Walau bagaimanapun pokok tomato itu akan pulih semula di waktu paginya. Daunnya sentiasa kekuningan walaupun telah dibajai. Apakah langkah-langkah yang akan anda ambil dan berikan kemungkinan-kemungkinan penyakit yang dihinggapi oleh tomato berkenaan.
(20 markah)

5. Berikan sebab-sebab mengapa penyakit karah padi amat sukar dikawal. Huraikan gejala-gejala penyakit ini, kitar hidup kulat dan kesan persekitaran terhadap perkembangan penyakit ini.
(20 markah)

.../3

6. Huraikan satu penyakit virus pada pokok cili. Bincangkan juga perumah-perumah gantian yang lain serta cara-cara pengawalan penyakit virus pada pokok cili itu.

(20 markah)

- 0000000 -